

---

**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
BAHAGIAN PEMETAAN TOPOGRAFI SABAH  
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

(NOMBOR PENDAFTARAN: 3648 015)

---

**AHLI-AHLI  
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
BAHAGIAN PEMETAAN TOPOGRAFI SABAH  
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA  
TAHUN 2020 - 2021**

---

**Pihak Pegawai (Pengurusan):**

1. Sr Taufek bin Kassim - Pengerusi  
Pengarah Ukur Bahagian Topografi Sabah
2. Sr Yaacub bin Yusoff - Ahli  
Timbalan Pengarah Ukur Bahagian Topografi Sabah
3. Sr Zuraidah binti Sahar - Ahli  
Pengarah Ukur Seksyen (Pentadbiran dan Maklumat Geospacial)
4. Sr Hilman Bin Rasyed - Ahli  
Pengarah Ukur Seksyen (Penawanan Data)
5. Sr Saiful Nizam bin Saip - Ahli  
Pengarah Ukur Seksyen (Sempadan dan Geodesi)
6. Norliza binti A. Patah - Ahli  
Penolong Pengarah Ukur (Wilayah Kota Kinabalu)
7. Encik Mohamad Makros bin Rasimin - Ahli  
Penolong Pengarah Ukur (Wilayah Tawau)
8. Encik Mustaffa bin Shahim - Ahli  
Penolong Pengarah Ukur (Wilayah Sandakan)
9. Sr Geafri Mongijal - Setiausaha  
Penolong Pengarah Ukur (Pentadbiran dan Maklumat Geospacial)

**Pihak Pekerja:**

1. Encik Ridin Nairing - Naib Pengerusi  
Penolong Juruukur, Gred JA36  
Caw. Pemetaan 5, Seksyen Penawanan Data
2. Puan Nur Natashah Gapit Abdullah - Setiausaha Bersama  
Penolong Juruukur, Gred JA29  
Caw. Pemetaan 4, Seksyen Sempadan dan Geodesi
3. Encik Roszalie Jamnun - Ahli  
Pembantu Tadbir, Gred N22  
Caw. Pentadbiran dan Kewangan
4. Encik Turagis Iamum @Fadhil Wafiy - Ahli  
Pemandu Kenderaan, Gred H11  
Caw. Pentadbiran dan Kewangan
5. Encik Jidy Danis - Ahli  
Penolong Juruukur, Gred JA29  
Pejabat Ukur Topografi Wilayah Kota Kinabalu
6. Encik Mohd Nor Arif bin Tumiran - Ahli  
Penolong Juruukur, Gred JA29  
Pejabat Ukur Topografi Wilayah Tawau
7. Encik Farid bin Tasim - Ahli  
Penolong Juruukur, Gred JA29  
Pejabat Ukur Topografi Wilayah Sandakan
8. Encik Hanim bin Kamis - Ahli  
Pembantu Awam, Gred H14  
Pejabat Ukur Topografi Wilayah Kota Kinabalu

9. Encik Rostam bin Idris - Ahli  
Pembantu Awam, Gred H11  
Pejabat Topografi Wilayah Tawau
10. Encik Selamat bin Jalil - Ahli  
Pembantu Awam, Gred H11  
Pejabat Topografi Wilayah Sandakan

Dikemaskinikan oleh:

Nur Natashah Gapit Abdullah

Setiausaha Bersama MBJ (Pihak Pekerja)

Bahagian Pemetaan Topografi Sabah

Tarikh: 19 Disember 2019

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA  
BAHAGIAN PEMETAAN TOPOGRAFI SABAH  
NO. MBJ : 3648015**

**1. KEAHLIAN**

1.1 Majlis Bersama Jabatan bagi **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah** (selepas ini disebut sebagai '**Majlis**') hendaklah mengandungi **sembilan belas (19)** orang ahli secara keseluruhannya termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha-Setiausaha yang terdiri daripada **Pengarah Ukur Bahagian** selaku Pengerusi dan **lapan (8)** orang ahli yang dilantik oleh **Pengarah Ukur Bahagian** (selepas ini disebut sebagai '**Pihak Pegawai**') dan **Sepuluh (10)** orang ahli yang dipilih oleh pekerja-pekerja yang berkhidmat di **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah** (selepas ini disebut sebagai '**Pihak Pekerja**').

**2. PIHAK PEGAWAI**

2.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat di **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah** seperti berikut:

- |  |             |
|--|-------------|
| i) Pengarah Ukur Bahagian                                      | - Pengerusi |
| ii) Timbalan Pengarah Ukur Bahagian Topografi Sabah            | - Ahli      |
| iii) Pengarah Ukur Seksyen Pentadbiran dan Maklumat Geospasial | - Ahli      |
| iv) Pengarah Ukur Seksyen Sempadan dan Geodesi                 | - Ahli      |
| v) Pengarah Ukur Seksyen Penawanan Data                        | - Ahli      |
| vi) Penolong Pengarah Ukur Pejabat Wilayah Kota Kinabalu       | - Ahli      |
| vii) Penolong Pengarah Ukur Pejabat Wilayah Tawau              | - Ahli      |
| viii) Penolong Pengarah Ukur Pejabat Wilayah Sandakan          | - Ahli      |

- ix) Penolong Pengarah Ukur (Seksyen Pentadbiran dan Maklumat Geospacial) - Setiausaha

2.2 Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing dan tiada had tempoh memegang jawatan di dalam Majlis

### 3. PIHAK PEKERJA

3.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja di **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah**, Gred 38 dan ke bawah, tidak terlibat dalam membuat keputusan, bukan merupakan Ketua Bahagian/Unit dan dipilih oleh pekerja-pekerja itu sendiri. Peraturan bagi pemilihan ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang akan disediakan buat permulaan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja dalam **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah** dan diluluskan oleh **Pengarah Ukur Bahagian**. Ahli-ahli Pihak Pekerja adalah seperti berikut:

- i) Wakil Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah:
  - a) Gred JA29/N27/F29 – JA38/N32 - 2 orang ahli
  - b) Gred N17/W17 – N22/W22 - 1 orang ahli
  - c) Gred N11/H11 - 1 orang ahli
- ii) Wakil masing-masingnya dua (2) orang dari setiap Pejabat Topografi Wilayah:
  - a) Wakil Pejabat Wilayah Kota Kinabalu - 2 orang ahli
  - b) Wakil Pejabat Wilayah Tawau - 2 orang ahli
  - c) Wakil Pejabat Wilayah Sandakan - 2 orang ahli

3.2 Pemilihan Pengerusi dan Setiausaha Pihak Pekerja adalah dibuat dari kalangan ahli-ahli Pihak Pekerja yang dipilih dan pemilihan itu hendaklah dibuat oleh Pihak Pekerja sendiri tanpa campur tangan dari Pihak Pengurusan. Pengerusi Pihak Pekerja akan menjadi Naib Pengerusi kepada

MBJ manakala Setiausaha Pihak Pekerja akan menjadi Setiausaha Bersama.

- 3.3 Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada Gred atau Skim Perkhidmatan di **Pejabat Bahagian Pemetaan Topografi Sabah** atau **Pejabat Wilayah Bahagian Pemetaan Topografi Sabah** yang memilih pekerja-pekerja itu sendiri.
- 3.4 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/ dipilih.

#### 4. PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

- 4.1 Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada ahli yang dipilih dan menjadi Pengerusi ahli Pihak Pekerja. Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja menjadi Setiausaha Bersama bagi Majlis.

#### 5. TUJUAN

- 5.1 Tujuan Majlis adalah:
- a) untuk memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara pekerja-pekerja **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah** dengan pegawai-pegawai yang bergaji di dalam **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah** dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan; dan
  - b) untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada

pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah.**

## 6. BIDANG DAN FUNGSI

- 6.1 Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis seperti berikut:
- a) membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada kaitan dengan pentadbiran yang berkenaan **kecuali** perkara-perkara yang melibatkan dasar Kerajaan dan hal-hal perseorangan;
  - b) membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;
  - c) menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapat pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran pelbagai Jabatan; dan
  - d) mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah** serta peruntukkan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

## 7. MESYUARAT-MESYUARAT

- 7.1 Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan dalam tempoh **tiga (3) bulan sekali**, iaitu **empat (4) kali setahun**.
- 7.2 Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah tidak kurang daripada **50% (5)** orang ahli Pihak Pegawai dan **50% (5)** orang ahli Pihak Pekerja.
- 7.3 Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-Setiausaha tersebut



kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada **tujuh (7) hari** sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda, hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi Majlis.

- 7.4 Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh Pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah **terhad** kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis panggilan mesyuarat berkenaan.
- 7.5 Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, maka **ahli Pihak Pegawai terkanan** boleh mempengerusikan mesyuarat Majlis dengan kebenaran daripada Pengerusi. Dalam apa keadaan sekalipun, Naib Pengerusi iaitu Pengerusi Pihak Pekerja **tidak boleh mempengerusikan** mana-mana mesyuarat Majlis.
- 7.6 Minit Mesyuarat MBJ hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja.

## 8. KEPUTUSAN

- 8.1 Segala keputusan Majlis hendaklah dicapai secara **persetujuan bersama** di antara Pihak Pegawai dengan Pihak Pekerja.
- 8.2 Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-Jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan, bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Bahagian Pemetaan Topografi Sabah**. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan-Jabatan lain ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun Jabatan-Jabatan yang berkenaan.

9. **PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN**

- 9.1 Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana mesyuarat Majlis dengan persetujuan **tidak kurang daripada 50% ahli Pihak Pegawai dan 50% ahli Pihak Pekerja**. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya **sebulan** sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.
- 9.2 Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai penggubal dasar boleh menetapkan kaedah terbaik bagi menyelesaikan sebarang perbezaan pendapat dan pertentangan di antara Pihak Pegawai dengan Pihak Pekerja mengenai penggubalan dan pindaan perlembagaan. Segala keputusan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah muktamad selari dengan kuasa yang diperuntukkan dalam mana-mana Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan sedia ada yang sedang berkuatkuasa.